



Pintu masuk utama Hospital Bintulu.



Blok hospital yang lengkap dengan kemudahan.

# Jom pergi Bintulu

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI  
Foto: Ahmad Fua'd Alwi

“Saya nak tanya, kat Bintulu tu ada tak masjid, kedai makanan Islam, selamat tak?,” inilah soalan yang sering diajukan melalui telefon oleh para ibu bapa apabila anak mereka berjaya mendapat tawaran belajar ke Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) setiap kali musim kemasukan mahasiswa baharu ke Institut Pengajian Tinggi.

Mujurlah, semua pegawai pentadbiran dan akademik UPMKB sudah lari dengan semua situasi dan pertanyaan sedemikian. Sifat peramah dan sentiasa bertegur sapa pasti membuatkan anda ingin sekali ke UPMKB atau ke bandar Bintulu.

Tidak percaya! Jom ....kita berkongsi catatan perjalanan ke Bintulu oleh penulis

(Sharil Nizam Sha'ri) dan jurugambar (Ahmad Fua'd Alwi) bersama pegawai pengiring Abdullah Arshad, Mohd Fatihi Mat Nor, Kartini binti Kader dan Noor Ashikin binti Joblie.

Sebaik sahaja sampai di UPMKB dan mendapat tugas yang perlu disiapkan, kami terus ke Hospital Bintulu yang sudah dibina hampir dua tahun lebih. Bangunan masih baru dan menjadi tumpuan penduduk setempat untuk mendapatkan rawatan.

Sekali gus, mahasiswa UPMKB dijamin akan mendapat rawatan segera daripada pakar perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan. Ini kerana jarak hospital tersebut hanya lima minit sahaja dari UPMKB.

Keadaan persekitaran hospital sungguh mendamaikan. Seluas mata memandang. Penglihatan terpukau ke

kawasan perindustrian yang menjadi kebanggaan Bintulu dan sering menjadi bahan berita di media cetak dan elektronik.

Hendak tahu apa istimewanya kawasan tersebut? Sehingga menjadi sebutan penduduk Bintulu dan sesetengah orang Semenanjung? Kawasan tersebut turut menjadi signifikan kepada UPMKB? Nanti keluaran akan datang...



Sistem pengangkutan terancang.



Terubuk ikan masin yang boleh dibeli.



Kawasan perumahan.



Masjid tersegam indah di Bintulu.